

TAHAP EFIKASI KENDIRI DAN AMALAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21 GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH

[SELF EFFICACY AND 21st LEARNING PRACTICES AMONG ISLAMIC EDUCATION'S PRIMARY SCHOOL]

SITI KHADIJAH HAMZAH^{1*} & KHADIJAH ABDUL RAZAK¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: p105154@siswa.ukm.edu.my

Received: 2 February 2022

Accepted: 4 March 2022

Published: 8 March 2022

Abstrak: Efikasi sendiri memainkan peranan penting bagi membangunkan sektor pendidikan yang berkualiti dan berdaya saing. Guru yang merupakan tonggak utama dalam sistem pendidikan di negara ini bukan sahaja perlu memiliki ilmu pengetahuan serta kemahiran yang luas terhadap bidang ilmu yang disampaikan, malah perlu memiliki aspek dalaman yang kuat seiring dengan transformasi pendidikan yang berlaku pada masa kini. Sehubungan itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri dan tahap amalan pembelajaran abad ke-21 guru Pendidikan Islam sekolah rendah serta hubungannya terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 di sekolah. Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini menggunakan instrumen soal selidik bagi mengumpulkan dapatan kajian. Seramai 106 orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang berkhidmat di 25 buah sekolah rendah di daerah Jasin, Melaka telah dipilih secara rawak mudah dalam kajian ini. Dapatan kajian ini dijelaskan melalui nilai peratus, min, sisihan piawai serta Korelasi Pearson yang mana dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for The Social Science (SPSS) Versi 25. Secara keseluruhannya, kajian ini menjelaskan tahap efikasi sendiri dan tahap amalan pembelajaran abad ke-21 guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah adalah tinggi. Analisis Korelasi Pearson pula menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan yang kuat antara tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Islam sekolah rendah dengan amalan pembelajaran abad ke-21 di bilik darjah. Secara tidak langsung dapatan kajian ini menunjukkan aspek efikasi sendiri membantu guru melaksanakan amalan pembelajaran abad ke-21 di bilik darjah secara konsisten serta mewujudkan aktiviti pembelajaran yang lebih kreatif dan berdaya saing.

Kata kunci: Efikasi sendiri, amalan pembelajaran abad ke-21, guru Pendidikan Islam.

Abstract: Self efficacy plays an important role in developing a quality and competitive education sector. Teachers who are the mainstay in the education system in this country not only need to have extensive knowledge and skills in the field of knowledge imparted, but also need to have a strong internal aspect in line with the transformation of education nowadays. Accordingly, this research was done to identify the level of self-efficacy and 21st learning practices among Islamic Education's primary teachers. This study also was aimed to find the relationship of self -efficacy and 21st learning practices among Islamic Education's teacher in primary school. This is quantitative study that uses a questionnaire as an instrument to collect research findings. A total of 106 Islamic Education's primary teachers serving in 25 primary schools in the district of Jasin, Melaka were selected at simple random in this research. The findings of this research are explained through percentage values, mean, standard deviation and Pearson Correlation which were analyzed using Statistical Package for The Social Science (SPSS) Version 25. As a conclusion, this research explains that the level of self-efficacy and 21st learning practices among

Islamic Education's primary teacher is high. Pearson Correlation Analysis also shows that there is a strong significant relationship between the level of self-efficacy of Islamic Education's primary teachers with 21st century learning practices in the classroom. Indirectly, the findings of this study show that the aspect of self-efficacy helps teachers implement 21st century learning practices in the classroom consistently as well as create more creative and competitive learning activities.

Keywords: Self efficacy, 21st century learning practices, Islamic Education's primary teachers.

Cite This Article:

Siti Khadijah Hamzah & Khadijah Abdul Razak. 2022 Tahap Efikasi Kendiri dan Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah [Self Efficacy and 21st Learning Practise among Islamic Education's Primary School]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 82-98.

PENGENALAN

Transformasi pendidikan yang berlaku pada masa kini menuntut para guru untuk menjadi lebih kreatif dan berinovasi dalam melaksanakan proses pembelajaran di bilik darjah. Perancangan serta pemilihan kaedah pengajaran yang tepat perlulah dititikberatkan oleh guru-guru demi memastikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar menurut objektif yang ditetapkan. Pada masa yang sama pendidikan berkualiti juga dapat dicapai seiring dengan kemajuan dan kesejahteraan negara. Guru yang merupakan jentera utama dalam proses pembelajaran seharusnya cakna serta mahir dengan amalan pembelajaran terkini. Hal ini kerana pemilihan kaedah pengajaran yang tepat mampu membantu guru memaksimumkan peranan murid di dalam bilik darjah. Menurut Ab. Halim dan Mohamad Khairul (2010), guru perlulah teliti dalam pemilihan kaedah pengajaran di bilik darjah demi memastikan murid-murid dapat melibatkan diri secara aktif ketika sesi pembelajaran dijalankan. Justeru, amalan pembelajaran abad ke-21 seperti pembelajaran secara kolaboratif, pengintegrasian teknologi serta pengurusan bilik darjah yang kreatif bukan sahaja membantu guru memaksimumkan peranan murid di dalam bilik darjah malahan membantu mewujudkan satu bentuk pembelajaran yang aktif. Seiring dengan matlamat utama amalan pembelajaran abad ke-21 iaitu memastikan murid-murid menguasai kemahiran berkomunikasi, berkolaboratif, berfikir secara kritis dan kreatif serta amalan nilai-nilai murni dalam kalangan murid (Nor Shela & Mohd Shafie, 2019), amalan pembelajaran abad ke-21 ini dilihat mampu merealisasikan hasrat pendidikan negara yang ingin melahirkan generasi yang mampu bersaing di peringkat global.

Amalan pembelajaran abad ke-21 juga dilihat sebagai satu kaedah pengajaran yang sesuai dengan matlamat yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mana menekankan kepada perkembangan murid secara menyeluruh merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Pada masa yang sama kaedah pengajaran ini juga praktikal untuk dilaksanakan dalam gaya sosialisasi masyarakat pada masa kini kerana amalan ini memberi peluang kepada murid-murid untuk mencipta sendiri pengalaman belajar dengan bimbingan guru-guru di sekolah serta menolak amalan pembelajaran tradisional (Faridah & Faiziah 2017; Bernard, Suppiah & Maslinda 2021). Bagi memastikan persekitaran dan suasana pembelajaran abad ke-21 dapat dilaksanakan dengan berkesan, guru-guru perlu membuat perancangan yang rapi. Menurut Azalida dan Norazilawati (2018), guru seharusnya mampu berfikir, merancang, berbincang, menilai, mereka cipta dan membuat keputusan berlatarbelakangkan Model

Partnership for 21st Century bagi melaksanakan amalan pembelajaran abad ke-21 di bilik darjah. Justeru, guru-guru perlu mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi bagi membantu melaksanakan amalan pembelajaran abad ke-21 dengan berkesan dan berimpak tinggi.

Secara umumnya, tahap efikasi sendiri memainkan peranan yang penting dalam dunia pendidikan khususnya ketika pelaksanaan amalan pembelajaran abad ke-21 di sekolah. Tanpa keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan diri sendiri, guru-guru akan menghadapi kesulitan dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif serta berimpak tinggi dalam kalangan murid di bilik darjah. Secara tidak langsung menjadikan murid-murid tidak fokus serta berasa bosan terhadap aktiviti pembelajaran yang dijalankan oleh guru-guru. Rohani, Hazri dan Mohammad Zohir (2017) menjelaskan keberkesanan amalan pembelajaran abad ke-21 bergantung kepada tahap pengetahuan dan sikap profesionalisme guru ketika amalan pembelajaran ini dilaksanakan. Sikap profesionalisme guru merujuk kepada nilai-nilai yang mendorong guru untuk melaksanakan tugas sebagai pendidik dan mampu dijadikan contoh kepada murid-murid. Menurut Bandura (1986), tahap efikasi sendiri yang tinggi dalam diri individu akan mendorongnya untuk menghasilkan mutu kerja yang berkualiti serta produktiviti yang terbaik (Khalid Johari, 2006). Manakala Slavin (1995) pula menjelaskan salah satu faktor yang menjadikan aktiviti pembelajaran dapat dicapai dengan berkesan adalah faktor guru yang sentiasa bersemangat dan berkeyakinan ketika mengajar di bilik darjah. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap efikasi sendiri dan tahap amalan pembelajaran abad ke-21 guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah serta hubungan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Islam sekolah rendah dengan amalan pembelajaran abad ke-21.

EFIKASI KENDIRI GURU

Efikasi sendiri merupakan satu persepsi atau tanggapan akan kebolehan serta keupayaan diri untuk melaksanakan sesuatu tugas yang digalas dengan berkesan (Hasliza, Siti Noor, Mohamad Adnan & Suhaila 2016; Khalid Johari 2006; Noornajihan & Ab. Tamuri 2013). Manakala menurut Choong (2011), efikasi sendiri ialah kepercayaan dan keyakinan sendiri individu dalam melaksanakan sesuatu tugas agar mencapai hasil yang dikehendaki. Efikasi sendiri guru juga disebut sebagai efikasi pengajaran yang mana merujuk kepada keupayaan guru dalam mengurus dan mentadbir aktiviti pembelajaran agar mampu menghasilkan produktiviti yang berkualiti (Mohd Khairuddin dan Halimah, 2015). Secara umumnya, efikasi sendiri merupakan salah satu nilai yang diperkenalkan oleh Bandura (1986) dalam Teori Sosial Kognitif 1986 (Choong, 2011). Menurut Bandura (1986), terdapat tiga faktor yang mempengaruhi tahap efikasi sendiri seseorang individu iaitu faktor pemilihan aktiviti, usaha dan ketekunan serta pembelajaran dan pencapaian (Noriati et al. 2009). Walaubagaimanapun, Hasliza et al. (2016), menjelaskan pembelajaran melalui pemerhatian yang merupakan asas kepada teori ini menunjukkan bahawa manusia sentiasa membuat refleksi sendiri, mempunyai kebolehan kawalan sendiri serta berupaya mengurus diri. Oleh itu, efikasi sendiri boleh disimpulkan sebagai satu bentuk kepercayaan dan keyakinan diri akan kemampuan melaksanakan sesuatu tugas dengan cemerlang serta menghasilkan satu produk atau kesan yang positif terhadap persekitaran.

Guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi juga secara tidak langsung berupaya mendorong murid-murid untuk mencapai kecemerlangan sama ada dalam bidang

akademik, sahsiah mahu pun sukan. Namun, jika tahap efikasi sendiri guru berada pada tahap yang rendah keupayaan serta kemahiran murid-murid tidak dapat dibentuk dengan optimum semasa sesi pembelajaran dilaksanakan di bilik darjah. Tahap keyakinan guru yang tinggi juga mampu membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif serta mendorong murid-murid untuk belajar dengan bersungguh-sungguh semasa proses pembelajaran dilaksanakan. Noor Azizah et al. (2020) menjelaskan bahawa guru yang berefikasi sendiri yang tinggi akan cenderung untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan dengan berkesan serta tidak mudah berputus asa sekiranya menghadapi kesukaran atau pun kegagalan. Seperti kajian yang dijalankan oleh M. Puspanathan dan Mahaliza (2020), yang mana menjelaskan amalan kepimpinan distributif mempunyai hubungan yang kuat dengan tahap efikasi sendiri guru di sekolah. Walaupun terdapat banyak kajian-kajian lepas yang membincangkan aspek efikasi sendiri dalam kalangan guru namun masih kurang kajian yang membincangkan secara khusus aspek tahap efikasi sendiri guru dalam melaksanakan amalan pembelajaran abad ke-21 di bilik darjah.

AMALAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Amalan pembelajaran abad ke-21 bukanlah satu perkara baharu dalam dunia pendidikan di Malaysia. Hal ini kerana amalan pembelajaran abad ke-21 telah mula dipraktikkan di sekolah-sekolah seluruh Malaysia bermula pada tahun 2015. Inisiatif ini dilaksanakan bagi membantu guru-guru untuk memahami dan bersedia dalam melakukan perubahan terhadap pelaksanaan proses pengajaran di dalam bilik darjah. Menurut Azalida dan Norazilawati (2018) serta Mistrine dan M. Al-Muzammil (2017), antara fokus utama amalan pembelajaran abad ke-21 adalah untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dengan menguasai empat kemahiran utama iaitu kemahiran berkomunikasi, kolaboratif, berfikir secara kritis dan kreatif serta pengamalan nilai-nilai murni. Manakala Rohani et al. (2017) menjelaskan keberkesanan amalan pembelajaran abad ke-21 bergantung kepada tahap pengetahuan serta sikap profesionalisme guru ketika melaksanakan amalan pembelajaran ini. Kedua-dua aspek ini mempengaruhi persekitaran bilik darjah sama ada melalui hubungan guru sesama murid, hubungan murid sesama murid serta kefahaman murid terhadap ilmu yang disampaikan oleh guru. Sekaligus menjadikan amalan pembelajaran abad ke-21 sebagai tonggak utama dalam mewujudkan aktiviti pembelajaran yang berkesan dalam kalangan murid di sekolah.

Berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan guru-guru mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam melaksanakan amalan pembelajaran abad ke-21 di bilik darjah (Bernard et al. 2021; Mazarul Hasan, Maizura & Norazimah 2020; Azalida & Norazilawati 2018; Jaggil Apak & Muhammad Suhaimi 2018). Daripada dapatan kajian lepas ini jelas menunjukkan persediaan yang rapi disertai dengan perancangan yang teliti oleh guru-guru abad ke-21 bukan sahaja menjadikan aktiviti pembelajaran abad ke-21 dapat dicapai dengan berkesan malahan peranan murid juga dapat dioptimumkan sepenuhnya semasa mereka berada di dalam bilik darjah (Faridah, Faiziah & Amran, 2017). Terdapat juga kajian-kajian lepas yang dijalankan bagi mengenal pasti aspek penerapan empat kemahiran utama dalam amalan pembelajaran abad ke-21 iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran kolaboratif, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan murid di bilik darjah (Muhammad Sabri et al. 2020; Nor Shela & Mohd Shafie 2019; Mashira, Rusyati, Norazila, Rohana &

Khairul Anuar 2019; Mistrine & Al-Muz-zammil 2018; Raja Abdullah & Daud 2018). Walaubagaimanapun, di antara keempat-empat kemahiran yang ditekankan hanya kemahiran kolaboratif dan kemahiran komunikasi sahaja yang menunjukkan nilai min yang paling tinggi berbanding kemahiran-kemahiran lain.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mengandungi beberapa objektif khusus iaitu:

1. Mengetahui tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Islam sekolah rendah dalam melaksanakan amalan pembelajaran abad ke-21.
2. Mengetahui tahap amalan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah.
3. Mengetahui hubungan signifikan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Islam sekolah rendah dengan amalan pembelajaran abad ke-21.

METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan yang mana hasil kajian yang telah dikumpulkan dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Pada masa yang sama kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini digunakan bagi membantu pengkaji mendapatkan data-data numerikal berbentuk deskriptif dan inferensi. Menurut Rosinah (2012), kajian tinjauan merupakan satu bentuk kajian yang sering digunakan dalam bidang pendidikan yang mana bertujuan membantu pengkaji menilai persepsi sampel terhadap sesuatu fenomena yang berlaku. Manakala dalam aspek lokasi kajian pula, kajian ini telah dijalankan di daerah Jasin, Melaka dengan melibatkan guru-guru Pendidikan Islam yang hanya berkhidmat di sekolah rendah kebangsaan. Dengan merujuk kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), maka seramai 106 orang guru Pendidikan Islam daripada jumlah keseluruhan populasi seramai 140 orang guru Pendidikan Islam yang berkhidmat di 25 buah sekolah rendah di sekitar daerah Jasin telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan rawak mudah melalui perisian *Microsoft Excel* bagi menentukan bilangan responden bagi kajian ini.

Di samping itu, kajian ini juga menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi 30 soalan tertutup berbentuk *ordinal-polytomous* serta mengandungi dua konstruk utama yang mana dibentuk selaras dengan objektif kajian ini. Pada bahagian A adalah berkaitan demografi sampel kajian, bahagian B berkaitan konstruk tahap efikasi sendiri guru dalam amalan pembelajaran abad ke-21 serta bahagian C pula berkaitan dengan tahap amalan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Setiap konstruk yang dibina mengandungi 15 item dan menggunakan skala likert lima mata. Bagi memastikan borang soal selidik yang dibina benar-benar sesuai dengan objektif kajian, maka satu kesahan telah dilakukan oleh seorang pegawai pendidikan di Pejabat Pendidikan Daerah Jasin.

Kajian ini juga menggunakan analisis deskriptif dan inferensi bagi menganalisis data-data kajian yang telah dikumpulkan. Analisis deskriptif yang melibatkan nilai min serta sisihan piawai dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science* Versi 25

(SPSS for window). Jadual 1 dibawah merupakan Jadual Interpretasi Nilai Skor Min oleh Dina Amira dan Mohamed Yusoff (2019) yang telah digunakan bagi mendapatkan hasil analisis deskriptif.

Jadual 1: Interpretasi nilai skor min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 1.89	Sangat rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat tinggi

Manakala Jadual 2 dibawah pula merupakan Jadual Interpretasi Anggaran Kekuatan Nilai Pekali Korelasi daripada Chua (2014), yang digunakan bagi menentukan aras kekuatan hubungan antara pemboleh ubah yang diukur oleh pengkaji.

Jadual 2: Interpretasi Anggaran Kekuatan Nilai Pekali Korelasi

Saiz Pekali Korelasi (r)	Kekuatan Korelasi
$\pm 0.91 - \pm 1.00$	Sangat kuat
$\pm 0.71 - \pm 0.90$	Kuat
$\pm 0.51 - \pm 0.70$	Sederhana
$\pm 0.31 - \pm 0.50$	Lemah
$\pm 0.01 - \pm 0.30$	Sangat lemah
0.00	Tiada korelasi

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden Kajian

Kajian ini telah dijalankan kepada 106 orang responden yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang berkhidmat di daerah Jasin, Melaka. Jadual 3 menunjukkan latar belakang demografi responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 3: Taburan kekerapan responden

Ciri demografi	Kategori	N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	42	39.6
	Perempuan	64	60.4

Lokasi	Bandar	46	43.4
	Luar bandar	60	56.6
Pengalaman mengajar	1 – 5 tahun	17	16.0
	6 – 10 tahun	33	31.1
	11 – 15 tahun	29	27.4
	16 – 20 tahun	11	10.4
	21 tahun dan ke atas	16	15.1

Jadual 3 diatas menunjukkan jumlah responden yang teramai dalam kajian ini adalah dalam kalangan guru-guru perempuan dengan jumlah seramai 64 orang guru perempuan (60.4%). Manakala seramai 42 orang guru lelaki dengan nilai peratusan 39.6% telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Kajian ini juga dijalankan di dua buah lokasi yang berbeza iaitu di kawasan bandar dengan melibatkan responden seramai 46 orang guru (43.4%) serta luar bandar seramai 60 orang guru (56.6%). Seterusnya, dalam aspek pengalaman mengajar, kumpulan guru yang berkhidmat dalam tempoh 6-10 tahun merupakan responden yang tertinggi dalam kajian ini dengan seramai 33 orang guru (31.1%). Manakala kumpulan guru yang berkhidmat dalam tempoh 11-15 tahun merupakan kumpulan responden kedua tertinggi dengan jumlah responden seramai 29 orang (27.4%). Seramai 17 orang guru (16.0%) merupakan kumpulan guru yang berkhidmat dalam tempoh 1-5 tahun serta seramai 16 orang guru (15.1%) merupakan kumpulan guru yang berkhidmat dalam tempoh 21 tahun dan ke atas. Kumpulan guru yang berkhidmat dalam tempoh 16-20 tahun merupakan kumpulan responden yang paling sedikit dengan jumlah seramai 11 orang (10.4%).

Tahap Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Terhadap Amalan Pembelajaran Abad ke-21

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian berkaitan tahap efikasi kendiri guru Pendidikan Islam sekolah rendah dalam melaksanakan amalan pembelajaran abad ke-21. Berdasarkan dapatan kajian tersebut menunjukkan purata min secara keseluruhan adalah tinggi dengan nilai 4.08. Secara tidak langsung menjelaskan guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah di daerah Jasin berkeyakinan tinggi dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran abad ke-21 di dalam bilik darjah. Malahan, berdasarkan kepada item ke-11 yang mana merupakan item yang mempunyai nilai skor min tertinggi bagi konstruk ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam berkeyakinan tinggi dalam membina kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid melalui aktiviti berkumpulan. Sekaligus menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah mempunyai kemampuan serta kemahiran yang mantap dalam mengelolakan aktiviti berkumpulan ketika aktiviti pembelajaran abad ke-21 dijalankan di bilik darjah. Sebaliknya, item ke-12 menunjukkan bahawa tahap efikasi kendiri guru-guru Pendidikan Islam dalam menjalankan pentaksiran berdasarkan aktiviti pembelajaran abad ke-21 masih lagi rendah. Walau item ini menunjukkan nilai yang terendah bagi konstruk ini namun skor min bagi item ini masih lagi pada tahap tinggi. Sekaligus menunjukkan guru-guru

Pendidikan Islam sekolah rendah masih memerlukan bimbingan dalam menjalankan pentaksiran sesuai dengan jenis aktiviti pembelajaran abad ke-21 yang telah diaplikasikan.

Jadual 4: Tahap Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah

No	Item	Kekerapan, (%)					M	SP	Tahap
		1 (STS)	2 (TS)	3 (KS)	4 (S)	5 (SS)			
1.	Saya bersedia untuk berkongsi pengetahuan dengan guru-guru lain berkaitan amalan pembelajaran PAK 21.	0	1 (0.9)	6 (5.7)	56 (52.8)	43 (40.6)	4.3 3	0.6 3	Sangat tinggi
2.	Saya bersedia untuk berkongsi kemahiran dengan guru-guru lain berkaitan amalan pembelajaran PAK 21.	0	1 (0.9)	6 (5.7)	60 (56.6)	39 (36.8)	4.2 9	0.6 2	Tinggi
3.	Saya mampu mereka bentuk pengajaran yang mampu membantu murid menguasai kemahiran abad 21.	0	1 (0.9)	19 (17.9)	75 (70.8)	11 (11.4)	3.9 1	0.5 6	Tinggi
4.	Saya mahir untuk mengelola aktiviti PAK 21 berdasarkan perancangan masa yang ditetapkan.	0	1 (0.9)	25 (23.6)	68 (64.2)	12 (11.3)	3.8 6	0.6 1	Tinggi
5.	Saya mampu menguruskan bilik darjah bercirikan pembelajaran PAK 21 dengan berkesan.	0	0	17 (16.0)	77 (72.6)	12 (11.3)	3.9 5	0.5 2	Tinggi
6.	Saya mampu mengawal disiplin murid sepanjang pembelajaran PAK 21 dijalankan.	0	0	14 (13.2)	77 (72.6)	15 (14.2)	4.0 1	0.5 3	Tinggi
7.	Saya mampu menghasilkan bahan bantu mengajar berbantuan ICT agar dapat menarik minat murid semasa pembelajaran PAK 21.	0	0	27 (25.5)	66 (62.3)	13 (12.3)	3.8 7	0.6 0	Tinggi
8.	Saya mampu menarik perhatian murid agar kekal fokus terhadap aktiviti	0	2 (1.9)	16 (15.1)	78 (73.6)	10 (9.4)	3.9 1	0.5 6	Tinggi

	pembelajaran PAK 21 yang dilaksanakan								
9.	Saya yakin aktivitas pembelajaran PAK 21 akan meningkatkan prestasi murid dalam subjek Pendidikan Islam.	0	0	5 (4.7)	64 (60.4)	37 (34.9)	4.3 0	0.5 5	Sangat tinggi
10.	Saya mahir dalam melaksanakan aktivitas yang menekankan aspek kerjasama dalam kumpulan.	0	1 (0.9)	21 (19.8)	73 (68.9)	11 (10.4)	3.8 7	0.5 7	Tinggi
11.	Saya yakin aktivitas berkumpul mampu meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan murid.	0	0	6 (5.7)	54 (50.9)	56 (43.4)	4.3 8	0.5 9	Sangat tinggi
12.	Saya mahir dalam menggunakan pentaksiran berasaskan PAK 21 yang bersesuaian dengan aktiviti dan pencapaian murid.	0	1 (0.9)	28 (26.4)	66 (62.3)	11 (10.4)	3.8 2	0.6 2	Tinggi
13.	Saya yakin peta pemikiran mampu membantu meningkatkan penguasaan dan kemahiran murid dalam pembelajaran PAK 21.	0	0	6 (5.7)	73 (68.9)	27 (25.5)	4.2 0	0.5 2	Tinggi
14.	Saya prihatin dengan keperluan murid saya apabila melaksanakan pembelajaran PAK 21.	0	0	9 (8.5)	64 (60.4)	33 (31.1)	4.2 3	0.5 9	Tinggi
15.	Saya yakin dengan melaksanakan pembelajaran PAK 21 membantu membentuk tingkah laku murid sebagai seorang muslim yang sejati.	0	0	12 (11.3)	61 (57.5)	33 (31.1)	4.2 0	0.6 2	Tinggi

Min Keseluruhan: 4.08

Tahap Amalan Pembelajaran Abad ke-21 dalam kalangan Guru Pendidikan Islam

Berdasarkan Jadual 5 di bawah, secara keseluruhannya tahap amalan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah di daerah Jasin berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.25. Sekaligus menunjukkan guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah di daerah Jasin sentiasa menjadikan aktiviti pembelajaran abad ke-21 sebagai kaedah utama dalam melaksanakan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah. Item ke-15 yang merupakan item yang mempunyai nilai skor min yang tertinggi menjelaskan bahawa pelaksanaan amalan pembelajaran abad-21 menjadikan guru sentiasa bersemangat dan bermotivasi ketika mengajar di dalam bilik darjah. Malahan keupayaan yang cemerlang daripada murid-murid dalam menyiapkan tugas yang diberi secara tidak langsung menjadikan guru-guru bersemangat untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran abad ke-21 secara konsisten. Pada masa yang sama, item ke-6 yang merupakan item yang mempunyai nilai skor min terendah dalam konstruk ini menunjukkan guru-guru Pendidikan Islam sentiasa bersikap positif walaupun menghadapi kesukaran dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran abad ke-21.

Jadual 5: Tahap Amalan Pembelajaran Abad ke-21 Guru Pendidikan Islam

No.	Item	Kekerapan, (%)					M	SP	Tahap
		1 (STS)	2 (TS)	3 (KS)	4 (S)	5 (SS)			
1.	Saya suka mengajar Pendidikan Islam menggunakan kaedah pengajaran PAK 21.	0	0	5 (4.7)	69 (65.1)	32 (30.2)	4.2 5	0.5 4	Tinggi
2.	Saya suka mempelajari teknik dan kemahiran baru PAK 21 dalam pengajaran Pendidikan Islam.	0	0	5 (4.7)	63 (59.4)	38 (35.8)	4.3 1	0.5 6	Sangat tinggi
3.	Saya mengaplikasikan pengajaran PAK 21 untuk meningkatkan profesionalisme sebagai guru Pendidikan Islam.	0	0	12 (11.3)	69 (65.1)	25 (23.6)	4.1 2	0.5 8	Tinggi
4.	Saya bersemangat melaksanakan aktiviti pembelajaran PAK 21 kerana mendapat galakan daripada pihak pentadbir dan rakan sejawat.	0	0	9 (8.5)	64 (60.4)	33 (31.1)	4.2 3	0.5 9	Tinggi
5.	Saya bersemangat melaksanakan aktiviti pembelajaran PAK 21 setelah mengikuti kursus yang dianjurkan oleh pihak PPD dan JPN.	0	0	8 (7.5)	69 (65.1)	29 (27.4)	4.2 0	0.5 6	Tinggi

6.	Saya bersikap positif terhadap pelaksanaan aktiviti pembelajaran PAK 21 walaupun sukar dan diluar jangkauan saya.	0	1 (0.9)	9 (8.5)	74 (69.8)	22 (20.8)	4.1 0	0.5 7	Tinggi
7.	Saya bersemangat untuk mengajar apabila murid melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran PAK 21.	0	0	7 (6.6)	67 (63.2)	32 (30.2)	4.2 4	0.5 6	Tinggi
8.	Saya bersemangat melaksanakan pengajaran PAK 21 apabila melihat murid berjaya menguasai kemahiran abad ke-21 dengan berkesan.	0	0	8 (7.5)	68 (64.2)	30 (28.3)	4.2 1	0.5 6	Tinggi
9.	Saya menggalakkan murid-murid bersikap positif ketika mempelajari subjek Pendidikan Islam walaupun sukar dan diluar jangkauan mereka.	0	0	6 (5.7)	58 (54.7)	42 (39.6)	4.3 4	0.5 8	Sangat tinggi
10.	Saya menggalakkan murid bertanya semasa pembelajaran Pendidikan Islam dilaksanakan.	0	0	5 (4.7)	60 (56.6)	41 (38.7)	4.3 4	0.5 8	Sangat tinggi
11.	Saya mendorong murid menyiapkan tugas dalam Pendidikan Islam tempoh yang ditetapkan.	0	0	5 (4.7)	59 (55.7)	42 (39.6)	4.3 5	0.5 7	Sangat tinggi
12.	Saya tidak mudah berputus asa membimbing murid semasa menjalankan pembelajaran PAK 21 Pendidikan Islam.	0	0	8 (7.5)	61 (57.5)	37 (34.9)	4.2 7	0.5 9	Tinggi
13.	Saya rajin menyediakan bahan pengajaran bagi membantu meningkatkan kemahiran murid dalam pembelajaran PAK 21 Pendidikan Islam.	0	0	12 (11.3)	67 (63.2)	27 (25.5)	4.1 4	0.5 9	Tinggi
14.	Saya berusaha menyediakan pelbagai bahan bantu mengajar agar dapat meningkatkan kemahiran murid dalam pembelajaran.	0	0	9 (8.5)	70 (66.0)	27 (25.5)	4.1 7	0.5 6	Tinggi
15.	Saya teruja apabila murid berjaya menyelesaikan tugas dalam aktiviti pembelajaran Pendidikan Islam yang dijalankan.	0	0	4 (3.8)	53 (50.0)	49 (46.2)	4.4 2	0.5 7	Sangat tinggi

Min Keseluruhan: 4.25

Hubungan Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Islam dengan Amalan Pembelajaran Abad ke-21

Jadual 6 menunjukkan analisis Korelasi *Pearson* yang dilakukan bagi mengenal pasti hubungan tahap efikasi kendiri guru Pendidikan Islam sekolah rendah terhadap amalan pembelajaran abad ke-21 di dalam bilik darjah. Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan terdapatnya hubungan positif yang kuat antara tahap efikasi kendiri guru Pendidikan Islam sekolah rendah dengan amalan pembelajaran abad ke-21 di dalam bilik darjah. Sekaligus menunjukkan tahap efikasi kendiri guru berhubung secara positif dengan kekuatan perhubungan berada pada tahap kuat. Keadaan ini jelas menunjukkan tahap efikasi kendiri guru Pendidikan Islam sekolah rendah memainkan peranan penting dalam pelaksanaan amalan pembelajaran abad ke-21 di bilik darjah.

Jadual 6: Efikasi Kendiri

Konstruk	Pekali Korelasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interpretasi Kekuatan Hubungan
Tahap efikasi kendiri guru Pendidikan Islam sekolah rendah terhadap amalan Pembelajaran Abad ke-21	0.77**	0.00	Kuat

***Hubungan signifikan pada aras 0.01*

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan tahap efikasi kendiri dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah adalah tinggi. Secara tidak langsung menjelaskan bahawa guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang berkhidmat di daerah Jasin, Melaka tidak mempunyai masalah untuk menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 di dalam bilik darjah. Malahan, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah memiliki keyakinan yang tinggi dalam memastikan aktiviti pembelajaran abad ke-21 dapat dilaksanakan dengan berkesan. Selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang mana menekankan keberhasilan dan kemenjadian murid dalam pelbagai aspek (KPM, 2013), maka pelaksanaan aktiviti pembelajaran abad ke-21 dilihat mampu memmanifestasikan hasrat PPPM 2013-2025 secara langsung di dalam bilik darjah. Tambahan pula, dapatan kajian ini jelas menunjukkan aplikasi kaedah pembelajaran secara berkumpulan yang mana merupakan salah satu daripada kaedah pengajaran abad ke-21 jelas membantu meningkatkan keyakinan guru sebagai pembimbing di dalam bilik darjah.

Kepelbagaian kompetensi dalam kalangan murid juga menjadikan guru-guru pada masa kini perlu bersikap inovatif dan kreatif bagi memastikan kepelbagaian murid-murid ini dapat dikembangkan secara optimum. Ilmu pengetahuan serta kepakaran yang dimiliki oleh guru-guru selepas mengikuti latihan perguruan tidak menjamin keutuhan tahap efikasi kendiri dalam menjalankan aktiviti pembelajaran secara berkesan di bilik darjah. Justeru, aspek efikasi kendiri

merupakan antara ciri penting dalam melaksanakan pembelajaran secara berkesan (Zulyna Adilah & Faridah 2021; Noor Azizah et al. 2020). Dapatan kajian ini secara tidak langsung selaras dengan kajian Hasliza et al. (2016) serta Noornajihan dan Ab. Halim Tamuri (2013) yang mana menunjukkan guru-guru yang berefikasi sendiri tinggi akan cenderung untuk melaksanakan pembelajaran secara aktif demi memastikan murid-murid mencapai kecemerlangan dalam proses pembelajaran. Kecemerlangan yang ingin dicapai bukan sahaja berfokuskan kepada perkembangan ilmu secara konseptual semata-mata namun turut menekankan kepada penguasaan ilmu secara praktikal.

Kajian ini juga menjelaskan bahawa guru-guru Pendidikan Islam berkemampuan dalam mentadbir dan menguruskan aktiviti pembelajaran abad ke-21 dengan berkesan khususnya dalam aktiviti pembelajaran secara berkumpulan. Perlaksanaan aktiviti pembelajaran secara berkumpulan bukanlah satu perkara yang mudah untuk dilaksanakan khususnya dalam kalangan murid sekolah rendah. Hal yang demikian adalah kerana aktiviti ini memerlukan kepakaran guru dalam merangsang murid untuk bercakap dan melontarkan idea secara berhikmah. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan rata-rata guru Pendidikan Islam di daerah Jasin cenderung untuk memilih pendekatan aktiviti secara berkumpulan dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran abad ke-21. Sekaligus selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Saadiah et al. (2020) serta Mohd Hasaidi & Nadarajan (2018) yang menjelaskan bahawa guru-guru yang berefikasi sendiri tinggi akan sentiasa bersedia dengan perancangan pengajaran yang mantap demi memastikan ilmu pengetahuan dapat disampaikan dengan jelas. Malahan guru juga akan sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajaran demi mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif (Shanti & Abdul Said 2019; Mohd Khairuddin & Halimah 2015). Justeru, aspek efikasi sendiri penting dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah kerana dengannya guru mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif, seterusnya meningkatkan kecemerlangan murid secara holistik.

Secara umumnya dapatan kajian ini juga menjelaskan tahap amalan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah berada pada tahap yang tinggi. Secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah menjalankan aktiviti pembelajaran dengan menggunakan strategi dan kaedah pengajaran abad ke-21 di sekolah secara konsisten. Malahan dapatan kajian ini juga menjelaskan bahawa guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah memahami serta sentiasa mentadbir aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Kenyataan ini disokong dengan kajian yang telah dijalankan oleh Muhammad Sabri et al (2020); Nor Shela dan Mohd Shafie (2019); Mashira et al. (2019); Mistrine Radin dan M. Al-Muz-zammil (2018) serta Raja Abdullah dan Daud (2018) yang mana menerangkan bahawa guru-guru sentiasa memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 sebagai wadah dalam menyampaikan ilmu pengetahuan di dalam bilik darjah. Hal yang demikian kerana aktiviti pembelajaran abad ke-21 memberi peluang kepada murid-murid untuk membina spektrum ilmu baru berdasarkan pengalaman yang dialami dalam kehidupan seharian (Faridah et al. 2017). Justeru, amalan pembelajaran abad ke-21 bukan sahaja mampu mewujudkan satu aktiviti pembelajaran yang aktif malah peranan murid dioptimumkan secara holistik di dalam bilik darjah.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan aplikasi amalan pembelajaran abad ke-21 memberi peluang kepada guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah membentuk kemahiran

komunikasi dalam kalangan murid secara berkesan. Hal ini kerana berdasarkan analisis terhadap konstruk ini, item yang mempunyai nilai skor min yang tertinggi adalah berkaitan dengan ruang dan peluang yang diberikan kepada murid-murid untuk mengeluarkan pendapat atau idea mereka berkaitan dengan tajuk yang dipelajari. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Rohani, Hazri dan Mohamad Zohir (2019) yang mana bersetuju bahawa amalan pembelajaran abad ke-21 bukan sahaja memberi pengalaman belajar yang dinamik kepada murid-murid bahkan membentuk serta mengasah kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam diri murid-murid di sekolah. Malahan menurut Norma dan Mohd Isa (2019), amalan pembelajaran abad ke-21 bukan sahaja membentuk kemahiran guru dalam mengurus dan mengelola aktiviti pembelajaran secara berkesan malah membantu guru menarik minat murid untuk berkomunikasi secara berhikmah di dalam aktiviti perbincangan kumpulan.

Di samping itu, kajian ini juga menjelaskan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Islam sekolah rendah mempunyai hubung kait dengan amalan pembelajaran abad ke-21. Kedua-duanya berhubung secara positif yang mana mempunyai hubungan yang kuat antara satu sama lain. Situasi ini menunjukkan bahawa salah satu syarat untuk mewujudkan pembelajaran abad ke-21 yang berkesan adalah dengan memastikan guru-guru mempunyai tahap efikasi sendiri yang mantap. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Nornajihan dan Ab. Halim (2013) yang mana menjelaskan bahawa tahap efikasi sendiri guru saling berhubung rapat dengan amalan pembelajaran yang dilaksanakan guru di dalam bilik darjah. Walaupun kedua-dua pemboleh ubah ini berhubung kait pada tahap yang sederhana namun masih menunjukkan tahap efikasi sendiri saling berhubung kait dengan amalan pembelajaran abad ke-21 di sekolah. Pada masa yang sama wujudnya faktor persekitaran seperti bebanan kerja, sokongan ibu bapa serta kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah yang mana menyebabkan hubungan antara tahap efikasi sendiri guru dengan amalan pembelajaran abad ke-21 berada pada tahap sederhana. Seperti mana yang dijelaskan oleh Bandura (1986), antara unsur yang mampu mempengaruhi tahap efikasi sendiri seseorang individu adalah unsur kognitif, unsur persekitaran dan unsur tingkah laku (Noriati et al. 2009). Namun begitu, guru-guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang mantap tidak akan mudah berputus asa walaupun menghadapi kesukaran dalam melaksanakan amalan pembelajaran abad ke-21 (Jaggil Apak & Suhaimi 2018; Zuraidah et al. 2016).

Dapatan kajian ini juga menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Saadiah, Jamal dan Hamidah (2020) berkaitan pembangunan profesionalisme guru terhadap efikasi sendiri guru di sekolah. Berdasarkan kajian tersebut wujudnya hubungan yang kuat di antara tahap efikasi sendiri guru dengan pembangunan profesionalisme guru. Pembangunan profesionalisme guru yang dimaksudkan dalam kajian tersebut adalah meliputi aspek pemantapan kemahiran merancang, mengurus dan mereflek semasa melaksanakan proses pembelajaran Pendidikan Islam (Mohd Khairuddin & Halimah 2015). Namun, lantaran perkembangan serta kemajuan yang berlaku pada masa kini menjadikan tugas guru bukan sahaja tertumpu di dalam bilik darjah, malah meliputi skop tugas di luar bilik darjah (Maziahtusina et al. 2018). Walau bagaimanapun, individu yang memiliki tahap efikasi sendiri yang mantap akan sentiasa melakukan perancangan yang rapi demi memastikan aktiviti pembelajaran dapat dilaksanakan mengikut objektif yang telah ditetapkan (Noor Azizah et al. 2020). Justeru, warga pendidik perlulah sentiasa bekerjasama dan saling berganding bahu demi

memastikan tahap efikasi sendiri guru tidak goyah walaupun menghadapi pelbagai kesukaran dalam melaksanakan dasar-dasar pendidikan sedia ada.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menjelaskan bahawa aspek efikasi sendiri guru merupakan nadi utama dalam melaksanakan sistem pendidikan berkualiti dan mapan. Hal ini kerana aspek efikasi sendiri guru merupakan penentu kepada keberhasilan dan kejayaan yang bakal dicipta oleh murid-murid di sekolah. Walaupun kajian ini hanya berfokuskan kepada guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang berkhidmat di Melaka sahaja namun kajian ini juga boleh diperluaskan dalam kalangan guru Pendidikan Islam di seluruh Malaysia termasuklah guru-guru Pendidikan Islam yang berkhidmat di sekolah menengah. Justeru, pihak pentadbiran sekolah memainkan peranan yang penting dalam memastikan guru-guru sentiasa berefikasi sendiri tinggi ketika melaksanakan tugas di sekolah. Bimbingan bersepadu serta disertai dengan galakan dan sokongan yang membina bukan sahaja mampu menjadikan guru sentiasa bersedia dengan perubahan yang berlaku malah menjadikan guru sentiasa bersemangat untuk melakukan reformasi dalam gerak kerja mereka sebagai pendidik.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1): 43-56.
- Azalida Tajudin & Norazilawati Abdullah. 2018. Kesediaan guru Sains sekolah rendah terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia* 8(1): 82-97.
- Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan & Maslinda Pungut. 2021. Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraan abad ke 21. *Muallim Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)* 5(1): 100-119.
- Choong Lean Keow. 2011. *Murid dan Alam Belajar (Edisi kedua)*. Subang Jaya, Selangor: Kumpulan Budimas Sdn. Bhd.
- Chew Fong Peng & Nur Atikah Ali Jinah. 2020. Sikap, motivasi dan pelaksanaan strategi Think-Pair-Share dalam pengajaran kemahiran menulis guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)* 10(1): 37-47.
- Chua Yan Piaw. 2014. *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Dina Amira Hashim & Mohamed Yusoff Mohd Nor. 2019. Tahap kepimpinan coaching guru besar dan kesediaan guru dalam pelaksanaan pembelajaran Abad ke-21 di sekolah rendah. *International Journal for Education and Pedagogy* 1(1): 50-71.
- Faridah Nazir, Faiziah Hj. Shamsudin & Amran Bakar. 2017. *Pengajaran dan Abad 21*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Habibah@Artini Ramlie & Zaharah Hussin. 2017. Ciri-ciri guru Pendidikan Islam profesional (GPI) berasaskan Riadhah Ruhiyyah menurut pandangan Al-Ghazali: analisis

- kandungan bab adab terhadap guru dalam kitab Ihya' Ulum Al-Din'. *Al-Hikmah* 9(2): 57-77.
- Hariyanti Abd Hamid, Maheran Baharum & Azizah Sarkowi. 2019. Pengaruh efikasi sendiri terhadap motivasi dan pencapaian akademik siswa pendidik. *Jurnal IPDA* 26: 104-112.
- Hasliza binti Ibrahim, Siti Noor binti Ismail, Mohamad Adnan bin Mohamad Kassim & Suhaila binti Mohamad. 2016. Iklim sekolah dan efikasi sendiri dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah di Kelantan. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. Universiti Utara Malaysia: Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, hal. 25-27.
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat. 2018. Hubungan tingkah laku pemupukan kreativiti guru dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 3(3): 64-79.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalid Johari. 2006. Perkembangan efikasi guru sekolah menengah di Sabah. *Jurnal Kemanusiaan* 20: 32-43.
- Krejcie R.V & Morgan D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement* 30: 607-610.
- M Puspnanathan Mayan & Mahaliza Mansor. 2020. Hubungan antara amalan kepimpinan distributif dengan efikasi sendiri dan komuniti pembelajaran profesional guru di Kuala Lumpur. *Management Research Journal* 9(2): 70-83.
- Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman & Khairul Anuar Bahrin. 2019. Amalan pembelajaran abad ke-21 (PAK 21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru sekolah rendah. *Jurnal IPDA* 26: 13-24.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Maizura Komari & Norazimah Zakaria. 2020. Kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *International Journal of Education and Pedagogy* 2(2): 9-17.
- Maziatusina Ishak, Hazlina Abdullah, Sakinah Ahmad & Yuslina Mohamed. 2018. Mendepani cabaran era revolusi industri 4.0 : Hubungan amalan pembelajaran berterusan dengan prestasi peranan guru Pendidikan Islam sebagai agen perubahan masyarakat. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*. Universiti Sultan Zainal Abidin, hal.729-738
- Mistirine Radin & M. Al-Muz-zammil Yasin. 2018. Pelaksanaan pendidikan abad ke-21 di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Sains Humanika* 1-6.
- Mohd Hasaidi Hassan & Nadarajan Thambu . 2018. Efikasi sendiri guru Pendidikan Moral di sekolah menengah: satu kajian rintis. *Muslim Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)* 2(3): 161-176.
- Mohd Khairuddin Abdullah & Halimah Laji. 2015. Kepimpinan pengajaran dan sikap guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 4(1): 48-58.
- Muhammad Sabri Sahrir, Nurulhuda Osman & Ilyani Syiham Muhammad. 2020. Aplikasi 'Konsep 4C' pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelajar sarjana mod pengajian Pendidikan Bahasa Arab cuti sekolah UIAM. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 2(1): 12-22.

- Noor Azizah Jakaria, Muslihah Mazlan, Norizan Samri & Siti Nur Afiqah Shafie. 2020. Perbezaan efikasi sendiri terhadap pembangunan kerjaya berdasarkan faktor demografi. *Jurnal 'Ulwan* 5(1): 223-235.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri . 2013. Hubungan antara efikasi sendiri dengan kualiti Guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 5(1): 41-60.
- Norma Jusof & Mohd Isa Hamzah. 2020. Kemahiran guru Pendidikan Islam di sekolah rendah terhadap pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid: satu analisa. *International Journal of Education and Pedagogy* 2(3): 1-26.
- Noriati A. Rashid, Boon Yoon Peng & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. 2009. *Murid dan Alam Belajar*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Nor Shela Saleh & Mohd Shafie Rosli. 2019. Kepentingan pembelajaran abad ke 21 terhadap potensi kebolehpasaran modal insan. *Innovative Teaching and Learning Journal* 2(2): 71-81.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad. 2017. Model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(1): 1-11.
- Rosinah Edinin. 2012. *Penyelidikan Tindakan: Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Saadiah Shuaib, Jamal @ Nordin Yunus & Hamidah Yusof. 2020. Pembangunan profesionalisme guru terhadap efikasi sendiri guru sekolah menengah di Negeri Selangor. *Evaluation Studies in Social Sciences* 9(2): 37-48.
- Shanti A/P Gobalakrishnan & Abdul Said Ambotang. 2019. Pengaruh tahap akauntabiliti guru, peranan pentadbir dan efikasi sendiri guru terhadap pelaksanaan pengajaran abad ke-21 sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 4(6): 170-180.
- Slavin, R. E. 1995. *Cooperative Learning: Theory, Research and Practice*. Boston: Allyn and Bacon.
- Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. 2018. Aplikasi konsep '4C' pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)* 1(1): 45-65.
- Zulyna Adila Zainuddin & Faridah Mydin Kutty. 2021. Hubungan antara efikasi sendiri dan motivasi terhadap pencapaian akademik pelajar perempuan jurusan STEM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(3): 180-190.
- Zuraidah Abdullah, Zulkifli A, Manaf, Nik Mustafa Mat Ali & Mohammad Ismath Ramzy. 2016. Pemeraksanaan guru Bahasa Melayu melalui penyeliaan kembang tumbuh dan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) di lima sekolah menengah daerah Kuala Lipis . *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 3(2): 42-59.